

MAHATHIR - PALESTIN

DARI HASHIM MAKARUDDIN

BUCHAREST, 18 MEI ¹⁹⁸³ (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENJELASKAN KEPADA PARA PEMIMPIN YUGOSLAVIA, ROMANIA DAN TURKI MENGENAI SATU STRATEGI BARU MENYELESAIKAN MASALAH PALESTIN YANG DIANGGAPNYA BUKAN MUKTAMAD TETAPI "LEBIH MUDAH BERJAYA."

BERCAKAP KEPADA PARA WARTAWAN YANG MENYERTAI ROMBONGAN BELIAU DALAM LAWATAN RASMI KE NEGARA-NEGARA BERKENAAN DI SINI HARI INI BELIAU BERKATA STRATEGI ITU BUKAN SATU STRATEGI YANG MUKTAMAD "TETAPI KITA MERASAKAN PERLAKSANAAN STRATEGI INI LEBIH MUDAH BERJAYA."

PERDANA MENTERI MENGAKHIRI LAWATAN TIGA HARINYA KE ROMANIA HARI INI SELEPAS MELAWAT TURKI DAN YUGOSLAVIA.

SEMALAM DR. MAHATHIR TELAH MENGADAKAN PERBINCANGAN EMPAT PERKARA DENGAN PRESIDEN ROMANIA, ENCIK NICOLAE CEAUSESCU DI KEDIAMANNYA SELAMA KIRA-KIRA SATU JAM.

DI SEBELAH PETANGNYA PULA BELIAU MELAWAT KOMPLEKS PETROKIMIA DI DAERAH PRAHOVA, KIRA-KIRA 60 KM DARI SINI. -- LAGI 1520/II

ZCZC B583

MAHATHIR - PALESTIN 2 BUCHAREST

DALAM SIRI LAWATANNYA KE TIGA BUAH NEGARA ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT DENGAN PARA PEMIMPIN NEGARA-NEGARA BERKENAAN MENGENAI SOAL PALESTIN SERTA ISU-ISU ANTARABANGSA.

KATANYA STRATEGI BAGI MENYELESAIKAN MASALAH PALESTIN TIDAK BOLEH DIUMUMKAN KEPADA RAMAI.

TETAPI STRATEGI ITU TELAH DIBERITAHU KEPADA WAKIL PLO DAN SETIAUSAHA AGUNG PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC) ENCIK HABIB CHATTI DAN MENTERI LUAR BANGLADESH ENCIK A.R. SHAM-UD DOHA KETIKA MELAWAT NEGARA ITU BARU-BARU INI.

MENGENAI KAMPUCHEA, SATU LAGI MASALAH ANTARABANGSA YANG BELIAU SENTUH SEMASA PERBINCANGAN DENGAN PARA PEMIMPIN KETIGA-TIGA NEGARA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA TIDAK MENYATAKAN BAHAWA HENG SAMRIN TIDAK LANGSUNG BOLEH MENYERTAI RUNDINGAN BAGI MENYELESAIKAN MASALAH NEGARA ITU.

"TETAPI, SOAL YANG KITA UTAMAKAN IALAH VIETNAM MESTI MENGUNDURKAN TENTERANYA DARI KAMPUCHEA.

"JIKA INI TELAH DILAKUKAN KITA MUNGKIN MENIMBANGKAN SAMA ADA HENG SAMRIN BOLEH MENYERTAI RUNDINGAN ATAU TIDAK," KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- LAGI 1529/II

MAHATHIR -- PALESTIN 3 BUCHAREST

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA DALAM PERBINCANGANNYA DENGAN PARA PEMIMPIN NEGARA-NEGARA BERKENAAN MEREKA MEMPUYAI PENDAPAT SERUPA DENGAN MALAYSIA MENGENAI HUBUNGAN DUA HALA DALAM KONTEKS DIALOG SELATAN-SELATAN SEBAGAI PENTING.

KATANYA MEREKA BERPENDAPAT JIKA HUBUNGAN LANGSUNG BOLEH DITERTINGKATKAN LAGI, IA BOLEH MENINGKATKAN HUBUNGAN EKONOMI DAN SECARA TIDAK LANGSUNG MENGURANGKAN PENGGANTUNGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TERHADAP NEGARA-NEGARA MAJU.

BELIAU JUGA MENJELASKAN KEPADA PARA PEMIMPIN NEGARA-NEGARA BERKENAAN BAHAWA MALAYSIA TIDAK BERMINAT DALAM RUNDINGAN BERBAGAI HALA KERANA IA AKHIRNYA AKAN MENJADI FORUM BAGI MENGELUARKAN KENYATAAN-KENYATAAN SAHAJA.

HASIL RUNDINGAN BERBAGAI HALA ITU ADALAH TERHAD, TEGAS BELIAU.

-- BERNAMA 1528/II